

**Perhimpunan Bersih Bukan Anjuran Parti Politik - Abdul Hadi  
Bernama  
Julai 12, 2011**

**KUALA TERENGGANU:** Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkeras menafikan bahawa perhimpunan haram Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) yang diadakan di ibu negara Sabtu lalu bukan anjuran parti politik.

Namun, kata beliau perhimpunan yang disertainya itu terdiri daripada badan bukan kerajaan Islam dan bukan Islam serta cerdik pandai dari seluruh negara.

"Perhimpunan itu disertai oleh cerdik pandai dari seluruh negara, bukannya anjuran parti politik, yang melihat banyak perkara tidak kena pada kerajaan yang memerintah hari ini," katanya semasa berucap kepada penyokongnya di Lapangan Terbang Sultan Mahmud di sini malam Isnin.

Abdul Hadi berkata semasa ditahan beliau dilayan dengan baik oleh anggota polis.-  
**BERNAMA**

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).

Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/7/12/mstar\\_berita/20110712094139&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/7/12/mstar_berita/20110712094139&sec=mstar_berita)